



Property

YAYASAN

KENYATAAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA

Meja Berita & Hal Ehwal Semasa

RAJA PERMAISURI AGONG RASMIKAN POLIKLINIK PRIMER SEJAHTERA

HAB PENDIDIKAN TINGGI PAGOH

Muar, 14 Jun - Ketua Perlembagaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah Binti Almarhum Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj berkenan untuk bercemar duli hadir dan merasmikan Poliklinik Primer Sejahtera UIAM yang terletak di Hab Pendidikan Tinggi Pagoh.

Poliklinik Primer Sejahtera (PoPS) di Kampus Pagoh diwujudkan atas dasar keperluan kesihatan gunasama yang mendesak bagi warga kampus Hub Pengajian Tinggi Pagoh (HPTP) dan meningkatkan akses perkhidmatan kesihatan kepada 63,000 penduduk Pagoh termasuk komuniti Orang Asli. Poliklinik ini siap sepenuhnya pada Disember 2022, dan dijangka memberi manfaat kepada lebih 10,000 menjelang 2024.

Poliklinik Fasa 1 ini beroperasi di 2 unit kedai yang disewa dan terletak di tengah-tengah kampus serta mudah diakses terutama kepada para pelajar di mana terdapat 2 bilik konsultasi dan 2 bilik rawatan.

Yayasan Sime Darby (YSD), dengan sumbangan daripada Sime Darby Property, adalah penyumbang dana tajaan bagi projek pembangunan Poliklinik Primer ini untuk fasa 1. Kesenambungan kos operasi dan perjawatan disokong oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), Sime Darby Property dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Keseluruhan dana bagi membangunkan Poliklinik Primer Sejahtera Fasa 1 ini berjumlah RM1.8 juta yang merangkumi kerja pengubahsuaian, alatan kelengkapan perubatan, sistem integrasi pengurusan pesakit, sewaan premis, sebuah kenderaan pacuan empat roda dan sebuah ambulans.

Lokasi ini bersifat sementara dan sementara menunggu proses pembangunan bagi fasa 2 kelak. Fasa 2 pula akan memberi tumpuan kepada penggunaan infra kekal serta memberikan perkhidmatan kesihatan yang lebih lengkap bagi warga Hab Pendidikan Tinggi Pagoh (HPTP).

Poliklinik ini mempunyai 8 orang kakitangan kesihatan yang terdiri daripada 2 orang pegawai perubatan, 2 pegawai perubatan pergigian, 2 orang jururawat, seorang pembantu pegawai kesihatan dan seorang pembantu perawatan kesihatan. Jumlah tersebut akan ditambah dari masa ke semasa

Ketika ini perkhidmatan kesihatan diberikan adalah kepada para pelajar dan kakitangan UIAM sahaja sementara menunggu proses dan kelulusan lesen dari Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta (CKAPS), Jabatan Kesihatan Negeri Johor (JKNJ) bagi membolehkan perkhidmatan kesihatan dipanjangkan ke institusi dan pelajar lain di HPTP.

Dalam majlis yang sama juga di lokasi yang berasingan, Yayasan Sime Darby dan Sime Darby Property turut menyampaikan replika cek yang berjumlah RM1.8 juta kepada UIAM untuk Poliklinik Primer Sejahtera bagi Fasa 1 yang telah dijalankan.

Cek tersebut disampaikan oleh Ahli Majlis Tadbir Yayasan Sime Darby, Puan Sri Normah Hashim dan Ketua Pegawai Eksekutif, Pembangunan Hartanah Sime Darby Property, Dato' Ir. Mohd Sohimin Mohd Alayedini manakala Presiden UIAM, Tan Sri Samsudin Osman dan Rektor UIAM, Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Dzulkifli Abdul Razak mewakili UIAM untuk menerima cek tersebut dan disaksikan oleh Ketua Perlembagaan UIAM, Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong.

Sumbangan tersebut adalah daripada salah satu teras Yayasan Sime Darby dalam bidang Komuniti dan Kesihatan dengan tajaan dana bagi membantu komuniti dalam menyediakan akses kepada penjagaan kesihatan yang berkualiti, memandangkan Bandar Universiti Pagoh merupakan perbandaran baharu, dan pada masa ini kekurangan kemudahan awam seperti hospital atau kesihatan klinik, serta pengangkutan awam.

Pusat kesihatan gunasama ini adalah yang pertama seumpamanya di kalangan institusi-institusi pengajian tinggi awam di mana setiap Universiti Awam yang berada di HPTP akan berkongsi satu fasiliti kesihatan secara bersama.

Hadir sama pada majlis perasmian ini ialah Timbalan Menteri Kesihatan, YB Lukanisman Awang Sauni, Setiausaha Kerajaan Negeri Johor, YB Tan Sri Dato' Dr. Haji Azmi Bin Rohani Timbalan Ketua Setiausaha KPT, Dato' Dr. Hj Megat Sany Megat Ahmad Supian, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Sime Darby, Dr. Hjh. Yatela Zainal Abidin. Para pegawai kanan dan kakitangan setiap agensi yang terlibat dalam majlis perasmian ini.

###

Disediakan oleh:
Pejabat Komunikasi, Advokasi dan Promosi UIAM
14 Jun 2023

Hubungi:-

Roslan Rusly
Pegawai Perhubungan Media
Pejabat Komunikasi, Advokasi dan Promosi UIAM
019-293 2984/03-6142 5889
roslanr@iium.edu.my / corpcommiium@gmail.com

Nur Raudhah Ibrahim
Yayasan Sime Darby
nur.raudhah.ibrahim@simedarby.com